**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA**
**MALAYSIA**

---

# PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2000

---

# PINDAAN KADAR IMBUHAN TETAP PERUMAHAN

## TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk meminda kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) bagi anggota perkhidmatan awam Persekutuan.

## LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan untuk menaikkan kadar Imbuhan Tetap Perumahan bagi anggota perkhidmatan awam Persekutuan yang menerima Imbuhan Tetap Perumahan pada kadar RM110.00 dan RM90.00 sebulan. Kenaikan ini adalah bertujuan untuk membantu meringankan kos sara hidup anggota yang terlibat.

## PELAKSANAAN

### Anggota Yang Layak

3. Anggota di bawah Sistem Saraan Baru dan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK) adalah layak menerima kadar baru Imbuhan Tetap Perumahan.

**Anggota Yang Tidak Layak**

4. Anggota yang tidak layak kadar baru Imbuhan Tetap Perumahan adalah seperti berikut :

4.1 anggota dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf;

4.2 anggota dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 1 dan 2; dan

4.3 anggota dalam perkhidmatan Bomba, Penjara, Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

**Kadar Baru**

5. Kadar baru Imbuhan Tetap Perumahan adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| 5.1 | Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 3/ Kumpulan A (Tingkatan Biasa/Tingkatan Kanan) di bawah JKK | : RM165.00 |
| 5.2 | Kumpulan Sokongan/ Kumpulan B,C dan D di bawah JKK | : RM135.00 |

**TARIKH KUATKUASA**

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2000.

**PEMAKAIAN**

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**PEMBATALAN**

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini maka –

8.1 Kadar Imbuhan Tetap Perumahan sebanyak RM110 dan RM90 di Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996; dan

8.2 Perenggan 7, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1996 adalah **dibatalkan**.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**( TAN SRI DATO’ SAMSUDIN BIN OSMAN )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

15 Mei 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan